

Banyak bukti majoriti tersisih, negara tak stabil, kata Muhyiddin
The Malaysian Insider
Jun 17, 2015
Oleh Hasbullah Awang Chik

Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan tiada salahnya bagi kaum Bumiputera memperkatakan tentang keadaan ekonomi mereka yang agak terpinggir dan ia tidak bermaksud untuk bersifat perkauman.

Timbalan perdana menteri berkata ini kerana dunia pernah membuktikan jika kaum majoriti sesebuah negara itu dipinggirkan maka ia dapat mengundang pergolakan dan perbalahan.

"Banyak bukti yang ada di serata dunia menunjukkan apabila golongan majoriti di sesebuah negara tersisih daripada arus perdana kemajuan ekonomi negara aeta gagal menikmati kekayaan negara secara adil dan saksama maka negara itu tidak akan menjadi sebuah negara yang aman dan stabil.

"Pergolakan, perbalahan dan krisis akan berlaku dan ini bukanlah satu perkembangan yang dihat untuk sesebuah negara," katanya pada Sidang Kemuncak Ekonomi Melayu 2015 di Kuala Lumpur hari ini. – 17 Jun, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/banyak-bukti-majoriti-tersisih-negara-tak-stabil-kata-muhyiddin>